

## Bab 5

### Huraian Ringkas tentang Keadaan Sosiolinguistik di Thailand

#### 5.1 Pengenalan

Tujuan bab ini ialah menyajikan huraian secara ringkas mengenai keadaan sosiolinguistik Thailand yang berkaitan dengan bahasa Thai, terutamanya dialek selatan. Memandangkan bahawa kawasan kediaman masyarakat Melayu di selatan Thai, pada masa yang sama menjadi kawasan kediaman orang Thai selatan yang berbahasa ibunda bahasa Thai dialek selatan, maka sedikit sebanyak penjelasan perlu diberikan.

Menurut Ajid Che Kob (1990 : 922), dalam bahasa Melayu masih belum ada buku panduan sosiolinguistik yang menghuraikan aspek teoretis secara amnya. Walaupun begitu, katanya lagi, hasil kajian mengenai keadaan sosiolinguistik di Malaysia boleh dikatakan memuaskan baik dari segi jumlah maupun dari segi mutunya. Hasil kajiannya terdapat bukan sahaja dalam bahasa Melayu tetapi juga dalam bahasa Inggeris. Sebaliknya, keadaan sosiolinguistik di Thailand kurang diketahui oleh masyarakat Malaysia secara amnya. Salah satu sebabnya ialah kekurangan hasil kajian tentang Thailand yang ditulis dalam bahasa Melayu. Buku-buku yang ditulis dalam bahasa Melayu tentang wilayah sempadan selatan Thai, terutamanya daerah sekitar wilayah Pattani, kebanyakannya berkaitan dengan dua aspek; pertama, aspek sejarah dalam konteks perjuangan tuntutan autonomi, dan kedua, aspek budaya dalam konteks hubungannya dengan kebudayaan Melayu yang lain, terutamanya dunia Melayu induk

di selatan, iaitu Semenanjung Tanah Melayu amnya, dan hubungannya dengan saudara tembarinya, iaitu negeri Kelantan khasnya.

Sebaliknya, hasil kajian tentang Thailand, terutamanya tentang aspek bahasa yang ditulis dalam bahasa Melayu tidak begitu banyak jumlahnya. Tentang bahasa Thai dalam Malaysia, yang masyarakat penuturnya terdapat di negeri-negeri yang bersempadan dengan Thailand, juga hampir tidak diselidiki. Dengan demikian, di sini diberikan huraian tentang keadaan sosiolinguistik di Thailand secara ringkas.

Bahasa Thai di Thailand memainkan peranan yang jauh lebih mustahak berbanding dengan bahasa-bahasa lain yang terdapat dalam negara tersebut, seperti peranan sebagai bahasa kebangsaan iaitu lambang perpaduan negara, bahasa rasmi yang unggal dalam semua urusan rasmi kerajaan termasuk perbahasan dalam parlimen dan bahasa pengantar bagi semua peringkat pendidikan, bermula dari peringkat tadika hingga ke peringkat pascasarjana. Bahasa Thai bukan sahaja digunakan dalam penyampaian mata-mata pelajaran sains kemanusiaan, malah digunakan sepenuhnya dalam bidang sains dan teknologi, termasuk teknologi maklumat. Secara umum komputer yang digunakan di Thailand menggunakan sistem operasi dan perisian utama dalam bahasa Thai.

Penyebaran bahasa Thai pula amat luas, merangkumi seluruh negara Thai, bukan sahaja di kawasan penutur aslinya di bahagian tengah, malah ke kawasan-kawasan lain yang kebanyakannya penduduknya bukan penutur asli bahasa Thai. Dengan demikian, orang luar kurang mengetahui tentang kepelbagaiannya bahasa yang ada di negara ini.

Dengan adanya satu bahasa yang amat kuat, maka bahasa-bahasa lain, terutamanya bahasa-bahasa golongan minoriti, tidak dapat menarik perhatian orang luar. Smalley menyifatkan keadaan demikian sebagai *sociolinguistic anomalies* (Smalley, 1994 : 1). Keadaan ini juga mirip dengan anggapan orang luar terhadap Jepun, yang kononnya negara ekabahasa, walhal dalam negara tersebut terdapat sejumlah besar kaum China dan Korea yang masing-masing mengekalkan bahasanya sendiri, serta golongan berbahasa Ainu yang merupakan kaum peribumi di kawasan utara.

Sebenarnya, tidak seperti tanggapan umum, Thailand merupakan sebuah negara yang dicirikan oleh kepelbagaian bahasa. Menurut Smalley lagi (1994 : 1), terdapat kira-kira 80 jenis bahasa di negara ini. Selain bahasa Thai baku atau bahasa Thai tengah dirujuk sebagai *phaasaa klaang* dalam bahasa Thai), secara kasar terdapat tiga jenis dialek utama, iaitu dialek utara, dialek timur laut (bahagian *Isan*) serta dialek selatan. Tiap-tiap dialek dicirikan oleh sifat tersendiri masing-masing. Bukan sahaja bunyi dan ebutannya yang berlainan dari bahasa baku, hukum pembentukan kata serta susunan ata ganda pun berlainan. Terdapat juga perbezaan dari segi tatabahasa antara bahasa Thai baku dengan dialek-dialeknya. Di samping itu, ada perbezaan kosa kata antara dialek, dan dialek selatan mengandungi beberapa kata pinjaman daripada bahasa Melayu.

Bahasa-bahasa orang asli (orang Sakai dan orang Laut) atau bahasa-bahasa rang bukit yang terdapat di bahagian utara juga menunjukkan kepelbagaian yang amat tinggi. Dari segi rumpun bahasanya, bahasa orang Laut serumpun dengan bahasa Melayu, dan terdapat hubungan yang erat dengan bahasa Melayu dialek utara (Kedah)

di Malaysia (mengikut kajian Amon Thawisak, 1986). Bahasa orang bukit pula serumpun dengan bahasa Thai, iaitu dalam rumpun Cina-Tibet, tetapi berada dalam subgolongan yang berlainan, maka penutur bahasa Thai tidak dapat memahami bahasa mereka dan juga sebaliknya. Di samping itu, terdapat bahasa-bahasa golongan minoriti, seperti Morn, Khmer, dialek-dialek bahasa Cina, dan antaranya yang paling besar ialah minoriti Melayu yang bermastautin di wilayah sempadan selatan. Perlu diperhatikan bahawa orang Melayu merupakan golongan minoriti dalam konteks negara, tetapi di kawasannya sendiri merupakan golongan majoriti.

Dalam bab ini, gambaran keadaan sosiolinguistik bagi seluruh Thailand diberikan secara ringkas sahaja, kerana hubungannya dengan perbincangan dalam kajian ini agak dangkal. Walaupun begitu, memandangkan bahawa salah satu kajian kawasan dalam kajian ini, iaitu wilayah sempadan selatan Thai, berada dalam lingkungan bahagian selatan (dirujuk sebagai *phaak tai* dalam bahasa Thai), penjelasan tentang keadaan sosiolinguistik bahagian selatan Thailand dikemukakan sebagai asas bagi perbincangan selanjutnya. Tumpuannya diberikan kepadauraian mengenai bahasa Thai dialek selatan dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

## **5.2 Penggunaan Bahasa Thai di Thailand**

Oleh sebab Thailand tidak pernah jatuh ke tangan kuasa-kuasa Barat, perkembangan bahasa Thai tidak disekat seperti bahasa-bahasa lain di Asia Tenggara semasa zaman penjajahan. Menurut Worawit Baru @ Ahmad Idris (1999 : 168), bahasa

Thai diberikan fungsi sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa pengantar pendidikan. Oleh itu, dasar bahasa seperti yang dilaksanakan terhadap bahasa Melayu di Malaysia atau di Indonesia tidak perlu dilaksanakan sama sekali terhadap bahasa Thai, baik dalam bentuk perancangan taraf bahasa maupun perancangan korpus bahasa. Taraf bahasa Thai sudah begitu mantap sehingga tidak ada bahasa yang dapat menyaingi bahasa Thai dalam negaranya sendiri. Ekoran taraf dan penggunaan yang amat mantap, korpusnya juga dapat berkembang mengikut edaran zaman tanpa disekat oleh mana-mana bahasa penjajah. Dari segi pentadbiran, bahasa Thai digunakan sepenuhnya seperti dalam urusan pentadbiran, perbincangan di Parlimen, surat-surat rasmi kerajaan dan seumpamanya. Mata-mata pelajaran di institut pengajian tinggi disampaikan sepenuhnya dalam bahasa Thai, termasuk bidang sains dan teknologi, walaupun buku-buku rujukan dalam bahasa Thai dalam bidang tersebut tidak begitu cukup, dan pelajar-pelajar sekali-sekala perlu merujuk buku bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun, kuliahnya disampaikan dalam bahasa Thai sepenuhnya. Dalam bidang ekonomi juga penggunaan bahasa Thai amat mantap. Perniagaan dilakukan dalam bahasa Thai sepenuhnya.

Satu perkara yang menunjukkan kekuatan ekonomi sesuatu bahasa ialah iklan yang disiarkan dalam surat khabar dan televisyen (seterusnya TV). Di Malaysia, jika jumlah iklan yang disiarkan dalam surat khabar bahasa Melayu dibandingkan dengan iklan dalam surat khabar berbahasa Inggeris atau berbahasa Cina, jelas kelihatan perbezaan jumlahnya. Selain itu, jenis iklan yang disiarkan juga agak berlainan coraknya. Dalam surat khabar berbahasa Cina terdapat sejumlah iklan pelancongan ke luar negeri, tetapi ini jarang terdapat dalam surat khabar berbahasa Melayu, kecuali

iklan untuk rombongan ibadah Haji dan Umrah. Jenis iklan yang disiarkan dalam surat khabar berbahasa Melayu terdiri daripada iklan-iklan bagi barang-barang keperluan sehari-hari atau perhiasan, manakala dalam surat khabar berbahasa Inggeris atau berbahasa Cina terdapat jenis-jenis iklan yang kurang didapati atau kurang jumlahnya dalam akhbar bahasa Melayu, seperti iklan kereta, barang elektronik termasuk komputer, rumah, harta tanah dan sebagainya. Ini menunjukkan bahawa penggunaan bahasa Melayu dalam bidang ekonomi masih tidak sekukuh seperti yang diharapkan oleh pihak pelaksana perancangan bahasa. Iklan dalam TV di Thailand pula seratus peratus dalam bahasa Thai. Jumlah iklan bahasa Melayu di Malaysia tidak sebanyak iklan bahasa Thai di Thailand, kerana ada saingen daripada bahasa Inggeris, bahasa Cina dan bahasa Tamil. Di Thailand, iklan dalam bahasa Melayu dalam media elektronik cuma terdapat dalam siaran stesyen radio tempatan dalam bahasa Melayu dialek Patani.

Iklan yang disiarkan dalam surat khabar berbahasa Thai pula, dari segi jumlahnya, amat banyak, dan kepelbagaiannya sama seperti iklan dalam surat khabar berbahasa Inggeris atau berbahasa Cina di Malaysia. Salah satu sebabnya ialah surat khabar berbahasa Thai di Thailand amat kuat kedudukannya. Walaupun di Thailand terdapat surat khabar berbahasa Cina dan berbahasa Inggeris, kedudukannya tidak sekuat surat khabar berbahasa Thai. Jadi surat khabar dalam kedua-dua bahasa ini tidak boleh menjadi saingen yang kuat terhadap surat khabar bahasa Thai. Oleh yang demikian, pihak yang menyiar iklan dalam surat khabar, sekiranya hendak menyampaikan maklumat, misalnya maklumat mengenai jualan murah atau barang

baharu, kepada masyarakat yang lebih luas, perlu menyiarinya dalam surat khabar berbahasa Thai.

Siaran TV di Thailand kesemuanya disampaikan dalam bahasa Thai, termasuk klannya. Rancangan wayang gambar yang diimport dari negara-negara lain dialih bahasa ke bahasa Thai. Sari kata bahasa Thai bagi wayang import digunakan dalam siaran TV kabel sahaja. Dalam siaran perlawan sukan luar negeri (seperti bola sepak, tinju dan sebagainya), dimasukkan suara juruhebah berbahasa Thai.

Seperti yang dijelaskan di atas, bahasa Thai begitu luas bidang penggunaannya, dan juga mempunyai nilai-nilai tertentu. Walaupun begitu, kelainan ini tidak digunakan sebagai bahasa ibunda oleh penduduk Thai di bahagian selatan.

### 5.3 Keadaan Sosiolinguistik Bahasa Thai Dialek Selatan

Kawasan kediaman bagi penduduk berbangsa Melayu bertumpu di empat wilayah sempadan selatan Thailand, iaitu wilayah Pattani<sup>1</sup>, Narathiwat, Yala dan Satun. Selain itu, terdapat sejumlah besar penduduk bangsa Melayu di beberapa daerah dalam wilayah Songkhla yang bersempadan dengan Pattani dan Yala, misalnya daerah

Dalam bahasa Melayu wilayah ini dirujuk sebagai *Patani* atau *Fattani* mengikut ejaan Jawi yang digunakan dalam kitab-kitab lama yang membawa maksud "kebijaksanaan". Sesetengah alim ulama pula tidak gemar menggunakan nama "Patani" yang ditulis dalam tulisan Jawi kerana jika dieja (fa. ta. alif. nun, ya) membawa makna "pembuat fitnah" atau "kerosakan" (Jihad Muhammad Abu Naja, 1999 : 1). Dalam bahasa Thai pula, wilayah ini dinamakan sebagai *cangwat Pattani* dengan dua huruf t selepas suku kata pertama. Dalam kajian ini, wilayah ini dirujuk sebagai *Patani* kecuali dalam hal-hal yang berkaitan dengan pentadbiran Thailand, yang dieja sebagai *Pattani*.

Sabayoi, Tepha atau Tiba, Nathawee, Chanak atau Chenak dan Sadao (Worawit Baru @ Ahmad Idris, 1990 : 1). Kesemua kawasan tersebut di atas berada dalam Bahagian Selatan atau **Phaak Tai** dalam bahasa Thai. Bahagian Selatan ini terdiri daripada 14 wilayah, hujung utaranya ialah wilayah Chumphon, dan empat wilayah di hujung selatan, iaitu Yala, Narathiwat, Satun dan Songkla bersempadan dengan Malaysia. Sebagai pusat pelancongan, dalam bahagian ini terdapat Pulau Phukhet, Pulau Samui, pantai Krabi dan Pangga, dan sebagainya. Bandar Hat Yai dalam wilayah Songkla berfungsi sebagai pusat perdagangan. Selain itu dalam bahagian ini terdapat bandar-bandar besar seperti Nakhon Sri Thammarat dan Suratthani. Dari segi corak kebudayaannya, budaya di Bahagian Selatan agak berlainan dengan tempat-tempat lain. Apa yang menonjol dari segi hubungannya dengan dunia Melayu adalah di bahagian ini wayang kulit yang dipanggil *nang* amat digemari. Dalam persembahan wayang kulit, bahasa yang digunakan bukan bahasa Thai baku, tetapi dialek selatannya.

### 5.3.1 Bahasa Thai Dialek Selatan

Bahasa Thai yang dibincangkan dalam bahagian ini dirujuk sebagai bahasa selatan atau **Phaasaa Tai** dalam bahasa Thai. Menurut Chantas (1989 : 210), dialek selatan ini ditutur juga di luar kawasan Bahagian Selatan, seperti beberapa daerah dalam wilayah Prachuap Khirikhan. Di samping itu, turut menuturnya ialah penduduk berbangsa Siam dalam beberapa negeri di Malaysia, seperti Perlis, Kedah dan Kelantan bertutur dalam dialek yang serumpun dengan dialek selatan yang mempunyai beberapa ciri-ciri tersendiri, terutamanya mengekalkan unsur-unsur kuno atau klasik, kerana dialeknya tidak mengikuti perkembangan bahasa Thai sezaman. Jumlah penuturnya lebih kurang

50,000 orang. Dalam dialek selatan yang ditutur oleh orang Malaysia berbangsa Thai ini terdapat amat banyak perkataan pinjaman daripada bahasa Melayu yang tidak terdapat dalam dialek selatan dalam negara Thai, tetapi perkataan-perkataan pinjaman yang demikian bunyinya disesuaikan dengan bunyi bahasa Thai (Chantas, 1989).

Bahasa Thai dialek selatan ini mempunyai beberapa rumpun. Brown (1965, dalam Chantas, 1984 : 106) membahagikan dialek selatan kepada dua golongan terbesar, iaitu golongan Chaiya dan golongan Nakhon Sri Thammarat. Masing-masing boleh dibahagikan kepada subgolongan, dan sempadannya hampir sama dengan sempadan wilayah. Oleh sebab dialek-dialek ini mempunyai banyak persamaan, maka orang selatan kerap kali merujuk dialek bagi daerah-daerah tertentu dengan menambah nama tempat (Smalley, 1994 : 102).

Chantas (1984 : 211-212) menyenaraikan beberapa ciri khusus bagi satu-satu subgolongan dialek mengikut wilayah. Misalnya, bagi dialek selatan di wilayah Chumphon penutur dialeknya banyak menggunakan kosa kata yang sama dengan dialek tengah (atau bahasa baku) kerana faktor geografi yang berdekatan dengan ibu kota. Dalam dialek selatan Phukhet pula terdapat sejumlah kata pinjaman daripada bahasa Cina dialek Hokkien kerana di situ telah lama terdapat kawasan kediaman bagi bangsa Cina yang berasal dari daerah Hokkien. Tentang dialek selatan di wilayah selatan sempadan pula, beliau menyatakan beberapa ciri yang menarik. Contohnya, dialek selatan di wilayah Yala bersifat bahasa campuran semua dialek selatan. Hal ini disebabkan oleh dasar kerajaan Siam dahulu yang memindahkan penduduk bangsa Siam dari tempat-tempat lain ke kawasan ini untuk mengimbangkan nisbah jumlah penduduk

antara bangsa Melayu dengan bangsa Siam (Worawit Baru @ Ahmad Idris, 1999). Di samping itu, bandar Yala merupakan sebuah bandar yang baharu dibuka. Akibatnya, bahasa yang digunakan di daerah berkenaan bersifat dialek campuran atau kacukan. Menurut Chantas lagi, dialek selatan di wilayah Pattani dan Narathiwat pula bersifat bahasa kacukan antara bahasa Thai dialek selatan dengan bahasa Melayu dialek Patani. Hal ini disebabkan oleh hakikat bahawa majoriti penduduk dalam wilayah ini terdiri daripada bangsa Melayu, maka dialek selatan di wilayah ini dipengaruhi oleh bahasa Melayu secara mendalam, baik dari segi sebutan bagi beberapa vokal, nada suara (aspek fonologi), penggunaan kata (aspek pragmatik), pembinaan kata (aspek morfologi), dan susunan frasa dan ayat (aspek sintaksis). Dengan kata lain, dialek selatan bahasa Thai di wilayah ini dipengaruhi oleh bahasa Melayu pada semua peringkat.

#### **5.4 Perkataan Pinjaman daripada Bahasa Melayu dalam Bahasa Thai**

Secara umum, orang Thai mempunyai beberapa tanggapan mengenai dialek selatannya, seperti bunyinya kasar, percakapannya bising dan terdapat banyak potongan, kata-katanya pendek dan sebagainya (Chantas, 1989 : 212). Orang Thai (termasuk orang selatan sendiri) mempunyai anggapan bahawa bunyi dialek selatan kasar, dan dialek yang halus bunyinya ialah dialek utara yang ditutur di kawasan sekitar bandar raya Chiangmai. Selain itu, dalam bahasa Thai dialek selatan juga terdapat sejumlah perkataan pinjaman dari bahasa Melayu (Smalley, 1994 : 102). Perkataan pinjaman daripada bahasa Melayu dalam bahasa Thai dialek selatan mempunyai kepentingan dalam kajian ini kerana menjadi bukti adanya pengaruh budaya bangsa Melayu terhadap

bangsa Thai dari segi bahasa, ataupun boleh dikatakan bahawa perkataan-perkataan pinjaman demikian merupakan tinggalan sejarah bangsa Melayu di bahagian selatan yang kini telah diasimilasikan dengan bangsa Thai (iaitu bertutur bahasa Thai dialek selatan sebagai bahasa ibundanya).

Antara bahasa Melayu dengan bahasa Thai, sebenarnya terdapat sejumlah banyak perkataan yang sama bunyi dan erti. Hal ini disebabkan oleh beberapa faktor. Dari segi jumlah, amat banyak perkataan yang sama atau sepadan ini berlaku kerana kedua-dua bahasa tersebut mengambil banyak perkataan daripada bahasa Sanskrit (tentang perkataan bahasa Sanskrit dalam bahasa Melayu, lihat **Bab 2**). Malah, bahasa Sanskrit “masih dianggap sumber istilah yang sesuai untuk mengembangkan bahasa Melayu dan bahasa Thai. Tambahan lagi, bahasa Sanskrit dan bahasa Pali masih berfungsi sebagai bahasa suci yang dipelajari dan ditekuni oleh pengikut agama Buddha di Negeri Thai” (Titima, 1992 : 698). Menurut tinjauan pengkaji, perkataan yang sama antara bahasa Melayu dan bahasa Thai yang diambil daripada bahasa Sanskrit berjumlah lebih kurang 120 perkataan (atau mungkin lebih daripada itu. Lihat Hara, 1998). Selain itu, perkataan yang diambil dari bahasa India yang lain seperti perkataan ‘sate’ daripada bahasa Tamil dan ‘kunci’ dan ‘kertas’ yang diambil daripada bahasa Hindi juga terdapat padanannya dalam bahasa Thai.

Di samping itu, dalam bahasa Thai baku pula terdapat beberapa perkataan pinjaman yang diambil daripada bahasa Melayu, seperti *baati* ‘batik’, *kudang* ‘gudang’, *maakan* ‘makan’, *mandi* ‘mandi’, *saroong* ‘sarung’, *thurian* ‘durian’ dan sebagainya dari *Photcanaanukrom Thai-Yiipun Chabap Yoo*, Matsuyama, 1996).

Beberapa perkataan yang diambil dari bahasa Melayu mengalami perubahan makna atau statusnya. Perkataan *salat* yang diambil dari perkataan ‘selat’ tidak bermaksud ‘selat’ (dalam bahasa Thai ‘selat’ dirujuk sebagai *chong khaep*), tetapi diberikan erti yang kurang baik, iaitu ‘lanun’. Khun (1986, dalam Titima 1992 : 697) menyatakan etimologi ini seperti yang berikut: “Kebanyakan lanun di Negeri Thai Selatan berlayar dari Selat Melaka, maka mereka diberi nama *salat*”. Perkataan ‘bukit’ dan ‘sentul’ pula diangkat menjadi nama wilayah di bahagian selatan, iaitu wilayah Phuket (/p<sup>h</sup>u:ket/) dan wilayah Satun (/satu:n/). Perkataan ‘bukau’, yang mengambil bentuk /p<sup>h</sup>u:k<sup>h</sup>au/ dalam bahasa Thai pula digunakan sebagai maksud ‘gunung’.

Perkataan-perkataan yang disenaraikan di atas boleh dipastikan sebagai perkataan pinjaman yang bersumberkan bahasa Melayu. Dengan kata lain, di sini bahasa Thai menjadi bahasa penerima, manakala bahasa Melayu pula sebagai bahasa penyumbang. Hal ini kerana kebanyakan perkataan dalam bahasa Thai yang asli bersifat ekasukukata, tetapi bahasa Melayu pula kebanyakan perkataannya terdiri daripada dua atau tiga suku kata. Hal ini demikian untuk memastikan arah pinjaman tidak mengandungi sebarang masalah.

Halnya agak berlainan dalam beberapa perkataan yang sebenyi dan seerti antara bahasa Melayu dengan bahasa Thai, yang bentuk dalam bahasa Thainya ekasukukata. Beberapa perkataan bahasa Melayu mempunyai padanannya dalam bahasa Thai seperti yang berikut; *khaa* ‘kaki’, *taa* ‘mata’, *tut* ‘kentut’, *phet* ‘pedas’, *phuak* ‘puak’, *lap* ‘lelap’, dan *sakat* ‘sekat’. Dalam penulisan perkataan-perkataan ini, bahasa Thai menggunakan huruf Thai yang digunakan untuk perkataan Thai asli, dan huruf untuk

perkataan pinjaman tidak digunakan. Bahasa Thai mempunyai beberapa huruf konsonan untuk bunyi yang sama, seperti bunyi /s/, /t/, /ph/ dan sebagainya. Hal ini untuk menunjukkan bunyi asal. Misalnya, huruf untuk konsonan /s/ ada empat jenis, dan masing-masing digunakan untuk bunyi /s/ dalam bahasa Thai, bunyi /s/ yang digunakan dalam bahasa Sanskrit, serta bunyi /c/ dan bunyi /ʃ/. Tetapi bagi perkataan yang disenaraikan di atas, huruf untuk bunyi Sanskrit tidak digunakan sama sekali. Ini permaksud perkataan di atas tidak dianggap sebagai kata pinjaman. Di sini, amat sukar untuk memastikan bahasa yang mana sebagai bahasa penyumbang dan yang mana sebagai bahasa penerima.

Perkataan-perkataan yang dijelaskan di atas menjadi bukti yang nyata bagi pertalian budaya yang mendalam antara bangsa Melayu dengan bangsa Thai yang pernah berlaku sejak zaman-berzaman. Di samping gejala yang diterangkan di atas, terdapat juga interaksi budaya yang akarnya boleh dikesani, iaitu berlaku dalam zaman yang agak dekat dari sekarang. Dari segi bahasa, terdapat gejala saling berpengaruh antara bahasa Melayu dengan Thai. Pengaruh bahasa Thai terhadap bahasa Melayu dialek Patani merupakan topik utama bagi **Bab 6** dalam perbandingannya dengan pengaruh bahasa Inggeris terhadap bahasa Melayu. Di sini diuraikan pengaruh bahasa Melayu (atau golongan penutur bahasa tersebut) terhadap bahasa Thai.

#### 4.1 Perkataan Pinjaman daripada Bahasa Arab

Pengaruh bangsa dan budaya Melayu terhadap bahasa Thai ada dua jenis, iaitu pengaruh secara langsung dengan pengaruh secara tak langsung. Pengaruh secara

langsung mengambil bentuk perkataan pinjaman dalam bahasa Thai, terutamanya dalam dialek selatan. Pengaruh secara tak langsung pula bermaksud penggunaan istilah-istilah agama Islam dalam bahasa Thai, terutamanya yang dipinjam daripada bahasa Arab.

Oleh sebab jumlah penduduk yang beragama Islam agak ramai di seluruh negara Thai, maka buku-buku mengenai agama Islam juga mempunyai pasaran. Dari segi jumlah penduduk yang beragama Islam, di Thailand terdapat lebih ramai pengikut Islam daripada di Singapura, yang kadar penduduk beragama Islamnya lebih kurang 10 peratus dan jumlahnya tidak melebihi setengah juta. Pendek kata, Thailand didiami oleh ejumlah besar penduduk beragama Islam. Tetapi hal ini tidak ketara kerana agama Buddha menjadi agama rasmi dan agama bagi kerabat diraja jauh lebih menonjol.

Sejak dahulu lagi bahagian selatan Thai, terutamanya Patani, terkenal sebagai pusat pengajian Islam serantau. Patani menjadi tumpuan para penuntut ilmu agama dari seluruh Nusantara. Halnya sama bagi penduduk beragama Islam dalam negara Thai. Patani yang terkenal dengan sekolah-sekolah pondok yang diuruskan oleh para tok guru yang terkenal menarik perhatian penduduk beragama Islam di seluruh negara Thai, baik dari wilayah sempadan selatan yang sememangnya kawasan orang Melayu, maupun dari luar kawasan orang Melayu. Menurut Hassan Madmarn (1999 : 87), sekolah-sekolah pondok tersebut menggunakan bahasa Melayu dialek Patani sebagai bahasa pengantar, terutamanya pada tahap permulaan untuk menerangkan kitab-kitab yang ditulis dalam bahasa Arab. Penggunaan bahasa Melayu ini bertujuan untuk memudahkan kefahaman pelajar yang tidak mengetahui bahasa Arab. Pada mulanya alimat bahasa Arab diterjemah kepada bahasa Melayu oleh tok guru, lalu diterangkan

epada para pelajar. Mengikut peningkatan kemampuan pelajar, penggunaan bahasa Melayu semakin dikurangkan, dan penggunaan bahasa Arab pula semakin meningkat. Dengan demikian, para pelajar dari luar wilayah sempadan selatan yang tidak mengetahui bahasa Melayu, mahu tidak mahu perlu menguasai bahasa Melayu, terutamanya dalam bentuk dialek Patani untuk tujuan pelajarannya. Kitab kuning (kitab agama yang ditulis dalam bahasa Melayu dengan menggunakan tulisan Jawi) masih memainkan peranan penting dalam hal ehwal pendidikan agama Islam di seluruh Thailand.

Walaupun demikian, berikutan dengan dasar kerajaan Thai yang meningkatkan penggunaan bahasa Thai bagi semua rakyat, kebolehan berbahasa Thai antara golongan bangsa Melayu semakin meningkat. Di samping itu, kerajaan juga berhasrat untuk menjadikan bahasa Thai sebagai bahasa perpaduan rakyat untuk semua bangsa yang ada di Thailand; maka penggunaan bahasa Thai dalam pendidikan Islam semakin dilalakkan. Penubuhan Maktab Pengajian Islam (*Roongrian Witthayaalai Itsalaam Suksaa*) di ibu kota Bangkok menjadi salah satu bukti dalam hal ini. Serentak dengan itu, penggunaan bahasa Thai dalam pendidikan agama Islam juga semakin meningkat.

Di sini timbul satu masalah, iaitu kekurangan istilah agama Islam dalam bahasa Thai. Oleh sebab bangsa Thai menganut agama Buddha mazhab Hinayana, maka istilah-istilah khas untuk menunjukkan konsep agama Buddha tidak kekurangan. Tetapi istilah-istilah demikian tidak semestinya boleh diguna pakai dalam konteks agama Islam. Misalnya, perkataan yang berbunyi *saatsadaa* merujuk maksud ‘pengasas agama’. Menurut *Photcananukrom Chabap Raacabandityasathan* (*Kamus Edisi Institut*

*Pengajian Diraja*, ms. 142), perkataan ini membawa maksud “pengajar fahaman agama, anggilan untuk Buddha”. Agama Buddha boleh disifatkan sebagai agama yang ditubuh oleh Buddha, dan ajarannya dalam bentuk asal tidak ada kaitan dengan penyembahan batung. Penyembahan dan pengukiran patung merupakan amalan yang ditambah setelah empatian pengasasnya (Shiba, 1989). Oleh itu, sekiranya perkataan *saatsadaa* ini digunakan untuk konsep ‘nabi’ kemungkinan membawa kekeliruan atau kejanggalan. Dari segi sistem keagamaan yang teratur, boleh dikatakan bahawa sistem agama Islam susun semula dalam bentuk yang ada pada masa kini oleh Nabi Muhammad s.a.w., tetapi dalam ajaran agama Islam, agama ini dianuti oleh manusia pertama yang dicipta oleh Tuhan, iaitu nabi Adam a.s.. Dengan demikian, tidak tepat untuk menggunakan perkataan *saatsadaa* yang membawa maksud pengasas agama, kerana agama ini tidak ditubuh atau dicipta oleh manusia. Perkataan *saatsadaa* masih digunakan untuk maksud abi, tetapi mungkin kerana kejanggalannya dalam konteks agama Islam, sekarang terdapat penggunaan kata pinjaman dari bahasa Arab, iaitu *nabii*.

Selain itu, beberapa istilah tertentu diambil daripada bahasa Arab ke dalam bahasa Thai laras agama Islam, seperti *imaan* ‘iman’, *malaikah* ‘malaikat’, *taubah* ‘taubat’, *nasihah* ‘nasihat’ dan banyak lagi. Kosa kata yang sedemikian tidak dimuatkan dalam kamus bahasa Thai biasa, termasuk *Photcananukrom Chabab Rach-andityasathan* yang merupakan kamus yang paling berwibawa. Ini berlainan dengan kosa kata yang berkaitan dengan agama Islam yang diambil melalui bahasa Melayu yang kebanyakannya dimuatkan dalam kamus sebagai kata entri.

Jika perkataan pinjaman dari bahasa Arab dalam bahasa Thai dibandingkan dengan padanannya dalam bahasa Melayu terdapat beberapa perbezaan bunyi. Yang paling ketara ialah unsur *ta marbuta*. Kebanyakan perkataan yang berakhir dengan *ta marbuta* dalam bahasa Arab diambil dalam bahasa Melayu dalam bentuk huruf *t*. Bahasa Thai pula mengambil dalam bentuk huruf ‘h’, yang disebut dengan hembusan *afas*. Memandangkan pengarang-pengarang buku agama Islam dalam bahasa Thai ebanyaknya pernah menuntut ilmu di selatan Thai sebelum berangkat ke Timur Tengah, maka kemungkinan pengambilan istilah-istilah tersebut dalam bahasa Thai dilakukan melalui bahasa Melayu (dialek Patani). Dalam hal ini penyesuaian bunyi telah dilakukan supaya bunyi perkataan pinjamannya lebih dekat dengan bunyi bahasa Arab. Atau lagi kemungkinan ialah para pengarang mengambil istilah-istilah tersebut berdasarkan pengetahuan bahasa Arabnya sendiri. Walau bagaimanapun, adanya istilah-istilah sedemikian dalam bahasa Thai mencerminkan kepentingan penduduk Melayu dalam masyarakat Thai.

#### **4.2 Perkataan Pinjaman dari Bahasa Melayu**

Pengaruh bahasa Melayu atau bangsa Melayu secara langsung terhadap bahasa Thai mengambil bentuk perkataan pinjaman. Perkataan pinjaman dari bahasa Melayu dalam bahasa Thai terdapat pada dua peringkat, iaitu pada peringkat dialek selatan dan pada peringkat bahasa baku.

Menurut Chantas (1989 : 217), unsur pinjaman daripada bahasa Melayu dalam bahasa Thai dialek selatan menjadi salah satu unsur penting yang membezakan dialek

selatan dari dialek-dialek di bahagian lain. Beliau menyenaraikan beberapa contoh perkataan pinjaman dalam bahasa Thai selatan seperti yang berikut:

**Jadual 5.1 Contoh Kata Pinjaman daripada Bahasa Melayu dalam Bahasa Thai Dialek Selatan**

kata pinjaman dalam dialek selatan	bentuk asal	maksud
/baŋsa/	bangsa	bangsa
/cʰancʰi:/	janji	Janji, berjanji
/du:dui/	dodoi	Lagu dodoi
/ha:kim/, /a:kem/	hakim	hakim
/ka:ki:lima:/	kaki lima	tepi rumah, kaki lima
/kampung/, /mukem/	kampung, mukim	kampung, mukim
/ko:ta?/	kotak	kotak
/lo:ko?/, /ro:ko?/	rokok	rokok
/ya:mu:/	jamu (dialek Patani?)	jambu
/ra:yen/, /ya:yen/	rajin	rajin
/ya:min/	jaming (dialek Patani?)	kata jaminan
/yu:ga:/	juga	juga

Dalam Bahagian Selatan Thailand yang terdiri daripada 14 wilayah, di luar kawasan sempadan selatan Thailand, kebanyakan penduduk beragama Islam tidak lagi bertutur dalam bahasa Melayu disebabkan oleh berbagai-bagai faktor, seperti faktor geografi, jumlah penutur, dasar asimilasi kerajaan Thailand dan sebagainya. Di luar wilayah sempadan selatan terdapat beberapa komuniti kecil yang masih menggunakan bahasa Melayu, seperti beberapa kampung dalam wilayah Nakhon Sri Thammarat, dan beberapa wilayah di sekitar kawasan ibu kota Bangkok (Uri Tadmor, 1992), walaupun jumlahnya tidak berapa ramai dan menghadapi pergeseran bahasa dengan bahasa Thai yang berfungsi untuk menghakis bahasa Melayu. Selain itu, masyarakat orang Jawa di Bangkok masih menggunakan bahasa Indonesia dalam khutbah Jumaatnya (Worawit Baru @ Ahmad Idris, 1999 : 90). Walaupun demikian,

kewujudan banyak perkataan pinjaman dalam bahasa Thai dialek selatan menjadi peninggalan sejarah bangsa Melayu dari segi bahasa. Beberapa nama wilayah yang kini dibahasasikan juga ternyata menunjukkan sifat kemelayuannya. Wilayah Trang yang asalnya dipanggil ‘Terang’, wilayah Phangnga pula asalnya ‘Kra Bunga’ yang bermaksud ‘Kuala Bunga’. Wilayah Songkhla pula dipanggil dalam bahasa Melayu sebagai ‘Singgora’ (Worawit Baru, 1999 : 68-87). Wilayah Narathiwat dipanggil sebagai ‘Menara’ oleh penduduk Melayu (dalam bentuk dialek Patani, iaitu /mənayo/ atau /nnayo/). Tentang wilayah Satun dan wilayah Phukhet telah diterangkan dalam bahagian terdahulu. Wilayah Nakhon Sri Thammarat pula terdiri daripada empat perkataan pinjaman daripada bahasa Sanskrit, dan jika dibaca mengikut bunyi ejaan menjadi “Negara Seri Darma Raja”, atau Jihad Muhammad Muhammad (1999 : 3) menterjemahkannya sebagai “Negara Seri Maha Raja”.

Daripada penjelasan di atas, jelaslah bahawa perhubungan antara bahasa Melayu dengan bahasa Thai bukan bersifat hubungan sehala, iaitu bahasa Thai sebagai kelainan liputan mempengaruhi bahasa Melayu (terutamanya dialek Patani) dengan mendalam, malah bahasa Melayu juga meninggalkan kesannya terhadap bahasa Thai, terutamanya dalam bentuk kata pinjaman, walaupun di beberapa tempat bahasa Melayunya tidak digunakan lagi.

## 5.5 Penutup

Bahasa Thai dialek selatan memainkan peranan yang amat penting sebagai bahasa ibunda bagi bangsa Thai di bahagian selatan, terutamanya wilayah-wilayah di luar wilayah sempadan selatan. Di kawasan luar wilayah sempadan selatan, orang-orang Islam juga menguasai dialek selatan sebagai bahasa ibunda. Di sebuah kampung yang berdekatan dengan bandar raya Hat Yai, pengkaji pernah mengerjakan solat Jumaat. Khutbahnya disampaikan dalam bahasa Thai dialek selatan. Dalam kampung berkenaan, walaupun dari segi geografinya tidak berapa jauh dari wilayah sempadan selatan, hampir semua penduduk tidak memahami bahasa Melayu, kecuali beberapa orang pemimpin agama yang pernah menuntut ilmu di Patani atau Indonesia.

Walaupun bahasa Thai dialek selatan mempunyai ciri-ciri yang agak istimewa, belainan ini tetap dianggap sebagai salah satu dialek; maka penggunaan dalam keadaan asmi hampir tidak ada. Tetapi ini tidak pula bermaksud penggunaannya tidak meluas. Sebaliknya, fungsi komunikasi yang dimainkan oleh dialek berkenaan amat luas, seperti perbualan sehari-hari, baik dalam keluarga maupun antara teman, dalam berjual-beli di pasar dan sebagainya. Halnya sama dengan dialek-dialek bahasa Melayu di Semenanjung yang meluas penggunaannya, seperti dialek Kelantan, dialek Kedah dan sebagainya.

Halnya agak berlainan di wilayah sempadan selatan. Seperti yang dijelaskan dalam bahagian 2.3, kadar orang Thai di wilayah sempadan selatan amat rendah dan ebanyakannya terdiri daripada pemastautin baharu yang berpindah dari tempat-tempat

lain mengikut galakan kerajaan. Oleh sebab itu, penggunaan dialek selatan di wilayah sempadan selatan tidak begitu luas. Masyarakat penuturnya terhad kepada masyarakat bangsa Thai dan bangsa Melayu yang telah mengasimilasikan diri dengan budaya Thai. Dalam komunikasi mereka bahasa Thai dialek selatan tetap digunakan. Tetapi dengan itu, boleh dikatakan bahawa bidang penggunaan bahasa Thai dialek selatan di wilayah sempadan selatan amat terhad.

Bagi orang Melayu pula, terutamanya bagi mereka yang tinggal di kawasan kampung atau pedalaman, iaitu kawasan yang tidak didiami oleh orang Thai, tidak ada peluang untuk menguasai bahasa Thai dialek selatan. Bagi orang Melayu, kelainan bahasa Thai yang dapat dikuasai ialah bahasa baku sahaja, iaitu kelainan yang diajar di sekolah dan juga digunakan dalam media massa seperti siaran televisyen serta radio, majalah, surat khabar dan sebagainya. Dalam siaran radio, ada beberapa rancangan empatan yang disampaikan dalam bahasa Thai dialek selatan, tetapi siaran radioidaklah mencukupi untuk menguasai sesuatu kelainan bahasa. Terdapat juga sejumlah kecil orang Melayu yang berjaya menguasai bahasa Thai dialek selatan disebabkan oleh beberapa faktor seperti persekitaran, pergaulan atau keperihatinan terhadap bahasa, tetapi jumlahnya amat terhad. Dengan demikian, dalam komunikasi antara kaum, kelainan yang digunakan ialah bahasa Thai baku, iaitu kelainan liputan bagi kedua-dua sihak.